

31/10/2003

Tempat duduk berubah Isnin

TEMPAT duduk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat akan berubah mulai Isnin ini berikutan persaraannya sebagai Perdana Menteri hari ini.

Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, berkata tempat duduk Dr Mahathir akan berubah di kerusi Ahli Parlimen paling senior di barisan penyokong kerajaan (BBC).

Beliau berkata, tempat yang diduduki Dr Mahathir selama menjadi Perdana Menteri akan diisi penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ini perkara biasa... beliau tidak ada jawatan dalam kerajaan, maka Dr Mahathir akan berpindah ke bahagian BBC," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, semalam.

(END)